

Hulu Langat banjir lagi

Air naik paras lutut selepas hujan 2 jam

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim**
nfazlina@bharian.com.my

KAJANG: Selepas empat hari penduduk Hulu Langat selesai membersihkan rumah mereka yang dilanda banjir teruk 8 Mac lalu, mereka sekali lagi diuji dengan banjir kilat sehingga paras lutut termasuk pokok tumbang selepas hujan berterusan selama dua jam, semalam.

Hujan bermula jam 2 petang itu menyebabkan lebih 15 rumah di Kampung Sungai Serai, Taman Sri Nanding, Hulu Langat, di sini, dinaiki air menyebabkan penduduk

terpaksa mengerah tenaga buat kali kedua membersihkan rumah akibat lumpur selain seorang remaja lelaki berusia 13 tahun mengalami kecederaan akibat rumahnya dihempap pokok.

Penduduk, Aminah Abdul Halim, 55, berkata mereka sekeluarga yang masih trauma selepas mengalami kerugian teruk akibat banjir dua minggu lalu tidak menyangka hujan lebat hampir dua jam semalam menyebabkan rumah mereka sekali lagi dinaiki air.

"Malah, hujan ribut disusuli angin kencang menyebabkan pokok tumbang di halaman rumah.



HUJAN lebat selama dua jam menyebabkan banjir kilat di Taman Sri Nading, Batu 12 Hulu Langat, Kajang, semalam.

"Sejak dilanda banjir teruk 8 Mac lalu, saya sentiasa bimbang kerana setiap kali hujan lebih daripada sejam, air akan naik secara mendadak," katanya.

Penduduk Mohd Zaidy Zainuddin, 32, berkata hujan lebat menyebabkan air dari Sungai Betung melimpah ke kawasan rumahnya sehingga paras lutut.

"Kami baru selesai empat hari lalu mengemas dan membersihkan rumah akibat banjir, namun terpaksa bertungkus-lumus sekali lagi membersihkan lumpur," katanya ketika dihubungi, semalam.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat Kajang ketika dihubungi berkata, banjir kilat yang melanda beberapa kampung di Hulu Langat se-

hingga paras lutut itu pulih selepas satu jam sebaik hujan berhenti.

Katanya, akibat hujan lebat itu juga menyebabkan dua pokok tumbang di Taman Sri Nanding termasuk satu daripadanya menghempap bahagian depan rumah menyebabkan pelajar Tingkatan 1 mengalami kecederaan dan dikejarkan ke Hospital Kajang.